



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED TINGKAT KECEKAPAN DAN INTEGRITI PBT

NILAI, 22 Februari 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah melancarkan Kursus Pemantapan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) anjuran Jabatan Audit Negara (JAN) bagi memantapkan penyediaan penyata kewangan serta meningkatkan kecekapan dan integriti PBT di seluruh negara.

Kursus yang julung kali dianjurkan kepada pihak PBT ini adalah merupakan inisiatif bersama Jabatan Audit Negara (JAN) melalui Akademi Audit Negara (ANN) dengan objektif untuk memberikan pendedahan tentang ciri-ciri penyata kewangan yang cekap dan teratur kepada para peserta.

YB KM berkata, “Kursus ini amat tepat dengan aspirasi Kerajaan MADANI supaya semua jabatan dan organisasi awam perlu mempunyai tatakelola yang baik, berkesan, cepat, cekap dan telus bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan berintegriti. Ini termasuk pengurusan sumber manusia, pengurusan perakaunan dan kewangan dan sistem pelaporan yang jelas.”

Tambah beliau, “Perkara-perkara tersebut juga merupakan aspek penilaian utama di dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) yang telah dilaksanakan oleh KPKT sejak tahun 2009.”

YB KM turut berkata, “Malaysia kini berada di tangga ke-27 dalam ekonomi paling berdaya saing di dunia menurut Indeks Daya Saing Global pada tahun 2023. Kedudukan Malaysia meningkat daripada tangga ke-32 pada tahun 2022. Ini

merupakan hasil usaha gigih kerajaan dan penjawat awam yang menjadi benteng kekuatan negara”.

Menurut Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2023, Malaysia kini berada di kedudukan 57 berbanding kedudukan 63 pada tahun 2021. Ini bukan sahaja menunjukkan Malaysia berada di landasan yang betul untuk membina ekonomi negara, tetapi juga bukti komitmen kerajaan dalam usaha membanteras amalan rasuah.

Kursus yang berlangsung di Akademi Audit Negara, Bandar Enstek, Negeri Sembilan itu disertai seramai 200 orang peserta termasuk pengurusan tertinggi PBT terdiri daripada Datuk Bandar, barisan Yang Dipertua daripada Majlis Perbandaran dan Daerah serta para pegawai kanan dari 155 PBT seluruh negara. Ini meliputi PBT-PBT di Sabah dan Sarawak.

Turut hadir pada majlis peluncuran kursus tersebut adalah Ketua Audit Negara, YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi dan Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib. Selain itu, Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan), Puan Hjh. Patimah Ramuji dan Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali turut bersama-sama hadir dalam majlis tersebut.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

